

SULIT



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PELAJARAN KELANTAN

MODUL LATIH TUBI
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 2
SET 4
2 ½ jam

5226/2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh soalan**.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemua lima soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana empat soalan yang lain

- 1 a Fitrah ketuhanan atau fitrah beragama sememangnya wujud dalam diri setiap manusia, tetapi kerana dorongan hawa nafsu, maka wujud golongan yang menolak agama dalam kehidupan mereka.
- (i) Senaraikan empat sifat orang yang beragama. [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua perbezaan antara orang yang beragama dengan tidak beragama. [4 markah]
- b Mukjizat merupakan perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para rasul.
Terangkan dua peranan mukjizat. [4 markah]
- c Alam ghaib merupakan alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal dan pancaindera manusia.
- (i) Jelaskan dua hikmah beriman dengan alam ghaib. [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua sebab mengapakah Allah SWT merahsiakan alam ghaib ? [4 markah]
- 2 a (i) Apakah yang dimaksudkan dengan memelihara alam ? [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kebaikan memelihara alam. [4 markah]
- b Wahyu merupakan ilmu Allah SWT yang bersifat azali.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan azali ? [2 markah]
- (ii) Berikan dua contoh perbuatan yang berasaskan wahyu. [2 markah]
- c Islam merupakan agama yang benar dan menjadi petunjuk kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat
- (i) Nyatakan dua unsur yang mencemarkan kesucian ajaran Islam [2 markah]
- (ii) Terangkan dua cara unsur-unsur tersebut tersebar dalam kalangan umat Islam. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua keistimewaan agama Islam [4 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- 3 a (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ibadat khusus ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua perbezaan antara ibadat khusus dengan ibadat umum [4 markah]
- b (i) Nyatakan maksud wasatiyyah dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Berikan dua contoh pengamalan wasatiyyah dalam amalan harian umat Islam. [4 markah]
- c Jelaskan empat prinsip negara Islam [4 markah]
- d Nyatakan dua tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT [4 markah]
- 4 a (i) Nyatakan dua contoh ujian Allah SWT kepada manusia melalui harta. [4 markah]
- (ii) Terangkan dua bentuk pencerobohan harta menurut Islam. [4 markah]
- b Jelaskan dua kepentingan bekerja terhadap pembangunan negara. [4 markah]
- c Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah untuk kemudahan manusia.
- (i) Senaraikan empat jenis muamalah tersebut yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan dua tujuan kepelbagaian jenis muamalah tersebut [4 markah]
- 5 a Berikan empat sumber perundangan Islam. [4 markah]
- b (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ijtihad ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan tiga keperluan ijtihad kepada umat Islam. [6 markah]
- c (i) Jelaskan dua hikmah penetapan hukum wajib [4 markah]
- (ii) Terangkan dua kesan keatas individu yang mengabaikan hukum wajib. [4 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- 6 a (i) Nyatakan dua ciri kesempurnaan ibadat [4 markah]
(ii) Terangkan dua perkara yang merosakkan ibadat seseorang [4 markah]
- b (i) Nyatakan maksud jenayah menurut Islam beserta dengan contohnya sekali [4 markah]
(ii) Jelaskan dua keistimewaan hukum jenayah Islam [4 markah]
- c Jelaskan dua kebaikan taubat kepada orang yang telah menginsafi kesalahannya [4 markah]
- 7 a (i) Berikan maksud penyelesaian masalah menurut Islam [2 markah]
(ii) Senaraikan empat perlakuan dalam menyelesaikan masalah. [4 markah]
(iii) Nyatakan dua matlamat penyelesaian masalah menurut Islam [4 markah]
- b Kesaksamaan sosial merupakan sesuatu yang penting dalam menjamin keharmonian hidup bermasyarakat
(i) Apakah maksud kesaksamaan sosial [2 markah]
(ii) Nyatakan dua tindakan yang boleh dilakukan untuk mewujudkan kesaksamaan sosial dalam masyarakat [4 markah]
- c Terangkan dua cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan ummah [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**